

# Itinerari

# 15H UMRAH

AWAL MAKKAH &  
BAITULMAQDIS



99 ARAB ST  
SINGAPORE 199795

📞 9848 7771  
☎️ 6384 7771

Follow us @travelconnect.sg    

# 15H UMRAH (AWAL MAKKAH & BAITULMAQDIS)

*Langkah menuju Kaabah, adalah  
langkah kembali kepada-Nya*



## Hari 1

### SINGAPORE - JEDDAH - MAKKAH

Berkumpul di Lapangan Terbang Changi 3 jam sebelum waktu berlepas dan berlepas ke Jeddah, Arab Saudi. Para jemaah akan berniat Umrah lebih kurang 45 minit hingga 1 jam sebelum mendarat di Jeddah. Setibanya di **Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdulaziz, Jeddah**, para jemaah akan disambut oleh wakil kami dan meneruskan perjalanan ke kota Makkah dengan menaiki bas berhawa dingin, mengambil masa kira-

kira 2 jam. Setelah daftar masuk hotel, para jemaah akan meneruskan dengan pelaksanaan **ibadah Umrah** yang merangkumi Tawaf, Sa'ie dan Tahallul.

## Hari 2

### MAKKAH

**Acara Bebas.** Para jemaah digalakkan untuk memperbanyakkan amalan ibadah seperti melakukan Tawaf Sunat, solat sunat, solat berjemaah serta memperbanyakkan bacaan al-Quran di **Masjidil Haram**.

## Hari 3

### MAKKAH

Selepas bersarapan, kita akan memulakan lawatan dengan menuju ke **Jabal Tsur**, di mana terletaknya **Gua Tsur**. Gua ini menjadi tempat persembunyian Nabi Muhammad SAW bersama Abu Bakar As-Siddiq RA daripada buruan kaum Quraisy pada tahun 622 Masihi, semasa peristiwa Hijrah Baginda SAW ke kota Madinah.



Seterusnya, para jemaah akan dibawa ke kawasan **Arafah**, iaitu tempat wukuf bagi jemaah Haji. Di sini, jemaah akan melawat **Jabal Rahmah**, yang dikenali sebagai tempat pertemuan semula Nabi Adam AS dan Hawa. Perjalanan akan diteruskan dengan melalui **Muzdalifah**, tempat jemaah Haji mengutip batu-batu kecil, serta **Mina**, tempat mereka bermalam ketika ibadah Haji. Kemudian, para jemaah akan dibawa ke **Masjid Ji'ronah** untuk menunaikan solat sunat ihram, berniat ihram, dan seterusnya berniat Umrah Kedua (Umrah Sunat) atau Umrah Badal.

#### Hari 4 MAKKAH

**Acara bebas.** Para jemaah digalakkan untuk memperbanyakkan ibadah seperti melakukan Tawaf Sunat, solat-solat sunat, solat berjemaah, serta membaca al-Quran di Masjidil Haram.


#### Hari 5 MAKKAH - TAIF - MAKKAH

Selepas bersarapan, para jemaah akan bertolak ke **Taif** dengan menaiki bas, perjalanan mengambil masa sekitar 1 hingga 2 jam. Di sana, jemaah akan melawat Kilang Rose dan berpeluang membeli minyak wangi bagi yang berminat. Seterusnya, jemaah akan menunaikan solat Jamak Zuhur dan Asar di **Masjid Ibn Abbas**, dan menikmati makan tengah hari di sebuah restoran Arab di Taif. Akhir sekali, para jemaah akan kembali semula ke Makkah, dijangka tiba sekitar waktu Maghrib.



#### Hari 6 MAKKAH - MADINAH

Selepas solat Subuh, para jemaah akan berkumpul untuk menunaikan Tawaf **Wada'** (Tawaf Perpisahan) dan kembali ke hotel untuk bersarapan serta membuat persiapan untuk bertolak ke **Madinah**. Selepas solat Zohor, jemaah akan check-out dari hotel dan bergerak menuju ke **Stesen Kereta Api**. Perjalanan ke Madinah akan diteruskan dengan menaiki kereta api selama kira-kira 2.5 jam (tertakluk kepada ketersediaan tempat duduk).



Setibanya di Madinah, para jemaah akan daftar masuk hotel dan seterusnya menuju ke **Masjid Nabawi** untuk menunaikan solat fardhu.

### Hari 7 MADINAH

Selepas solat Subuh dan sarapan pagi, para jemaah akan berkumpul di lobi hotel untuk mengikuti lawatan sekitar Masjid Nabawi dan menziarahi **Maqam Rasulullah SAW** serta para sahabat Baginda, iaitu **Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq RA dan Sayyidina Umar Ibn Al-Khattab RA**. Para jemaah juga akan dibawa masuk ke **Raudhah**, sekiranya permit kebenaran telah diluluskan.



### Hari 8 MADINAH

Selepas bersarapan, para jemaah akan dibawa melawat beberapa lokasi bersejarah di Madinah, antaranya **Masjid Quba**, masjid pertama yang dibina oleh Nabi Muhammad SAW pada tahun 1 Hijrah ketika Baginda berhijrah dari Makkah ke Madinah. Para jemaah disarankan untuk berwuduk di hotel dan mengekalkannya sehingga tiba di Masjid Quba bagi menunaikan solat sunat dua rakaat.

Seterusnya, jemaah akan dibawa ke **Ladang Kurma** untuk membeli pelbagai hasil tempatan seperti kurma, kacang, coklat, dan manisan. Akhir sekali, jemaah akan dibawa melawat ke **Jabal Uhud**, lokasi berlakunya Perang Uhud, di mana ketika itu tentera Islam seramai 700 orang berjuang menentang 3,000 tentera musyrikin.

### Hari 9 MADINAH

Para jemaah digalakkan untuk memperbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW, menunaikan solat sunat, serta solat berjemaah di Masjid Nabawi. Ini merupakan hari terakhir para jemaah di Madinah. Jemaah akan dibimbing untuk melakukan ziarah perpisahan ke **Maqam Rasulullah SAW** sebagai tanda penghormatan dan kasih sayang kepada Baginda. Seterusnya, para jemaah akan kembali ke hotel untuk membuat persiapan perjalanan seterusnya ke Baitulmaqdis (Jerusalem).





### Hari 10 MEDINA - AMMAN - BAITULMAQDIS

Para jemaah akan check-out dari hotel dan bergerak ke Lapangan Terbang Madinah dengan menaiki bas. Setibanya di lapangan terbang, jemaah akan check in masuk untuk penerbangan ke **Amman** yang mengambil masa lebih kurang 2 jam. Setibanya di Amman, akan melanjutkan perjalanan merentas border di **Allenby Bridge** untuk ke **Jerusalem** dan lawatan ke **Masjid Al-Aqsa**, iaitu lokasi mulianya peristiwa Isra' dan Mi'raj Nabi Muhammad SAW ke langit. Akhir sekali, para jemaah akan check-in hotel di Jerusalem untuk berehat.

### Hari 11 BAITULMAQDIS

Selepas sarapan pagi, para jemaah akan menikmati pemandangan indah dari puncak **Bukit Zaitun (Mount of Olives)** yang terkenal dengan panorama kota lama Jerusalem. Seterusnya, para jemaah akan menunaikan solat Jumaat

di Masjid Al-Aqsa, salah satu masjid suci umat Islam. Selepas itu, lawatan akan diteruskan ke beberapa lokasi bersejarah termasuk **Maqam Nabi Dawud AS, Salman Al-Farisi RA, dan Rabiatul Adawiyah**, tokoh sufi wanita yang terkenal dengan kezuhudan dan kecintaannya kepada Allah. Para jemaah akan bermalam di Baitulmaqdis (Jerusalem).

### Hari 12 BAITULMAQDIS - HEBRON - BETHLEHEM - BAITULMAQDIS

Perjalanan diteruskan ke Hebron untuk menziarahi **Masjid Al-Ibrahimi**, tempat bersemadanya Nabi Ibrahim AS dan isterinya Sarah. Seterusnya, jemaah akan bergerak ke **Halhul** untuk menziarahi **Makam Nabi Yunus AS**. Akhir sekali, jemaah akan melawat ke **Bethlehem**, tempat kelahiran Nabi Isa AS. Para jemaah akan kembali dan bermalam di Baitulmaqdis (Jerusalem).

**Hari 13**  
**BAITULMAQDIS – JERICHO – DEAD SEA - AMMAN**

Selepas bersarapan, para jemaah akan bertolak ke **Jericho** dan menziarahi **Maqam Nabi Musa AS**. Perjalanan diteruskan ke **Laut Mati**, titik terendah di permukaan bumi yang terletak kira-kira 400 meter di bawah paras laut. Akhirnya, para jemaah akan kembali merentas border ke Amman dan akan ziarah ke **Seven Sleeper Caves** (Gua Ashabul Kahfi)

*Masjid Al Ibrahimi dianggap sebagai tempat yang amat penting oleh umat Islam, Yahudi dan Kristian, dan sering menjadi titik tumpuan dalam konflik serta kawalan keselamatan yang ketat.*



**Hari 14**  
**AMMAN**

Selepas sarapan pagi, para jemaah akan AMMAN Islamic City Tour ke **Maqam Nabi Shuaib**, Al-Husseini Mosque, King Abdullah 1 Mosque, Blue Dome Mosque, Amman Downtown Market. Setelah lawatan, jemaah akan menikmati makan tengahari sebelum ke Lapangan Terbang Queen Alia International Airport.

**Hari 15**  
**AMMAN - SINGAPORE**

Transit akan bergantung kepada syarikat penerbangan yang digunakan. Insha-Allah, para jemaah akan selamat tiba di **Lapangan Terbang Changi, Singapura.**



# Hotel Penginapan

## MADINAH

Maden Al Rawda / setaraf ★★★★★

Maden Hotel / setaraf ★★★★★



## MAKKAH

Al Safwah Hotel / setaraf ★★★★★

Pullman ZamZam / setaraf ★★★★★



# Pakej Termasuk



HOTEL  
PENGINAPAN



ECONOMY AIRLINE  
TICKET



MUTAWIF &  
PEGAWAI



BAS BERHAWA  
DINGIN



MAKAN 3 KALI  
SEHARI



BUKU PANDUAN  
UMRAH



CABIN & BAG  
SANDANG



KAIN IHRAM  
& TELEKUNG



HIGH SPEED  
TRAIN



DAY TRIP  
KOTA TAIF



AIR  
ZAM ZAM

# Pakej Tidak Termasuk

- Visa (Umrah/Tourist)
- Travel Insurance Peribadi
- Suntikan Meningitis & Influenza
- Tip USD \$35 seorang untuk lawatan ke Baitulmaqdis
- Excess baggage
- Tambahan Hotel/Visa/Fues/VAT Surcharge Dikenakan Jika Ada
- Covid-19 Tests